

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 APRIL 2017

PM bentang hala tuju ekonomi bumiputera

KUALA LUMPUR 18 April - Perdana Menteri akan membentangkan Hala Tuju Transformasi Bumiputera (BETR 2.0) serta dasar *Carve Out and Compete* esok, yang merupakan usaha kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat dan para usahawan bumiputera mendapatkan peluang perniagaan di negara ini.

Menurut Datuk Seri Najib Tun Razak, apa yang akan dibentangkan itu merupakan agenda kerajaan dalam membantu bumiputera yang benar-benar berkelayakan untuk berjaya melalui persaingan yang sihat.

Mengikut maklumat yang dimuat naik oleh Najib di dalam akaun Facebook beliau, sehingga 28 Februari lalu sebanyak 51 peratus daripada ruang peruncitan yang ditawarkan oleh MRT Corp. telah diberikan kepada sembilan syarikat bumiputera, melalui *Carve Out and Compete* Ruang Peruncitan di Aliran Transit Massa (MRT) Laluan 1.

Selain itu menerusi sektor pembinaan, jumlah komitmen *Carve Out* bernilai RM48.31 bilion



NAJIB TUN RAZAK mempengerusikan Mesyuarat Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar Ke-21 di bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. - BERNAMA

daripada kos pembangunan kasar RM106.6 bilion yang ditawarkan oleh agensi kerajaan, swasta dan syarikat milik kerajaan (GLC).

"Insya-Allah, esok saya akan membentangkan BETR 2.0, dan salah satu daripada inisiatif yang telah kerajaan perkenalkan, *Carve Out and Compete*, inisia-

tif yang membantu bumiputera yang benar-benar berkelayakan untuk berjaya melalui persaingan yang sihat," jelas Najib di dalam akaun Facebooknya hari ini.

BETR 2.0 yang akan dilancarkan itu memberi tumpuan ke atas lima teras utama dalam agenda pemerkasaan ekonomi bumipu-

tera untuk tempoh lima hingga enam tahun akan datang.

Lima teras tersebut adalah pendidikan dan modal insan, pekerjaan dan pendapatan, ekuiti korporat, keusahawanan serta aset bukan kewangan dan BETR 2.0 juga menekankan tiga objektif utama iaitu penciptaan kekayaan,

penyertaan syarikat bumiputera dalam sektor bernilai tambah tinggi dan mempercepatkan pertumbuhan syarikat bumiputera.

Sementara itu, *Carve Out and Compete* dikelolakan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang ber-

“CARVE OUT & COMPETE”
Sektor Pembinaan

Kos Pembangunan Kasar (RM) RM106.6 bilion
Jumlah Komitmen *Carve Out* RM48.31 bilion

Agensi	Kos Pembangunan Kasar (RM Bilion)	Komitmen <i>Carve Out</i> (RM Bilion)
Kementerian	14.5	2.8
SPR	2.0	0.5
Syarikat Bumiputera/Korporat (GLC)	28.0	1.0

18/04/2017
BERNAMA

tujuan untuk meningkatkan penyertaan syarikat bumiputera dalam projek mega kerajaan dan GLC.

Inisiatif itu diterajui enam prinsip rancangan Transformasi Ekonomi Bumiputera iaitu mesra pasaran, berasaskan keperluan, beraskan merit, ketelusan, daya saing, pro-pertumbuhan dan mapan sementara syarikat bumiputera yang berkelayakan harus bersaing sesama sendiri untuk mendapatkan kontrak bagi projek berkenaan dan, pemilihan akan dibuat berdasarkan merit.

Um - 19/4/2017